



SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

BIL 24/2020

RUJUKAN : 15 APRIL 2020



BANCIS
PENDUDUK & PERUMAHAN
MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020



www.dosm.gov.my



www.mycensus.gov.my



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

Perkembangan penularan jangkitan COVID-19 di Malaysia telah mula menunjukkan tanda-tanda awal pemulihan setelah berakhirnya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa kedua pada 14 April 2020. Keupayaan negara dinilai menerusi peningkatan yang memberangsangkan bagi kes sembuh dalam tempoh tersebut sementara kumulatif kes aktif (dalam rawatan) mencatatkan magnitud pertambahan yang semakin perlahan. Keberhasilan ini diperjelaskan melalui catatan **kadar kes sembuh pada 15 April 2020** yang telah merekodkan sumbangan **52.18 peratus berbanding 19.4 peratus** pada penghujung fasa pertama. Ringkasnya, kadar yang dicapai oleh negara jauh melebihi kadar kes sembuh global yang ketika ini mencatatkan 24.89 peratus. Pada masa yang sama, **peningkatan kes sembuh harian** dilihat **mengatasi kes jangkitan baharu** dengan merekodkan 169 kes pada hari pertama fasa ketiga bermula.

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan terdapat **85 kes positif baharu** direkodkan dan merupakan catatan yang terendah dibawah paras 100 kes sejak 15 Mac 2020. Jumlah kumulatif jangkitan positif meningkat kepada **5,072 kes berbanding 4,987 kes** pada hari sebelumnya. **Kawasan Lembah Klang kekal mendominasi** kes positif dengan menyumbang **sebanyak 45.3 peratus**, Zon Selatan (21.9 peratus), Wilayah Malaysia Timur (13.2 peratus), Zon Pantai Timur (10.1 peratus) dan Zon Utara dengan 9.5 peratus. Di peringkat negeri, **peningkatan kes baharu** antaranya adalah menerusi catatan **di WP Kuala Lumpur dengan merekodkan 27 kes** disusuli Selangor dan Pahang masing-masing sebanyak 17 kes manakala Johor bertambah 14 kes. Secara umumnya, tiada penambahan kes positif direkodkan bagi tujuh buah negeri termasuk dua Wilayah Persekutuan. Sementara itu sejumlah **83 kes kematian** telah dicatatkan sehingga kini menerusi **pertambahan 1 kematian terbaharu** seperti pada Jadual 1.

Di seluruh dunia, **kumulatif jangkitan COVID-19** meningkat kepada **1,987,071 kes** dengan **jumlah kematian 126,813 kes**. Amerika Syarikat **mendominasi** bilangan kes positif **sebanyak 609,516** disusuli Sepanyol dengan catatan 174,060 kes, Itali (162,488 kes) dan Jerman dengan 132,210 kes. Sementara itu, **kematian tertinggi** direkodkan oleh **Amerika Syarikat iaitu 26,057 kes**, diikuti Itali yang mencatatkan sebanyak 21,067 kes, Sepanyol (18,255 kes) dan Perancis (15,750 kes). Statistik bagi kadar kematian pula menunjukkan **Belgium telah mengatasi Itali** apabila **mencatatkan kadar yang tertinggi** dengan 13.36 peratus, Itali (12.97 peratus) dan United Kingdom (12.79 peratus). **Di rantau Asean, Indonesia, Filipina dan Malaysia** merupakan negara yang **mencatatkan kematian yang agak tinggi**. Namun begitu,

kadar kematian di Malaysia adalah antara yang terendah iaitu **1.64 peratus** berbanding Indonesia (9.49 peratus) dan Filipina (6.41 peratus). Kadar kematian peringkat global dicatatkan pada 6.38 peratus manakala kes sembah meningkat kepada 494,537 (24.89 peratus) seperti pada jadual 2.

Kejutan ekonomi global berikutan perkembangan semasa penularan pandemik ini sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Ini secara langsung akan memberikan reaksi kepada prospek pertumbuhan ekonomi dunia pada tahun 2020. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada Public Invest Research memberikan butiran pasaran ekonomi antarabangsa seperti berikut;

THAILAND: Ekonomi Thailand dijangka kehilangan lebih dari THB 1.3 trillion (AS\$ 40 bilion) jika krisis kesihatan COVID-19 melangkaui suku kedua 2020. Krisis kesihatan COVID-19 dilihat memberi impak yang besar kepada sektor pelancongan negara tersebut. Walau bagaimanapun, pakej rangsangan ekonomi yang bernilai THB 1.9 trillion dijangka membantu mengurangkan kesan virus pada ekonomi kedua terbesar di Asia Tenggara itu. **Bank Pusat Thailand telah meramalkan penyusutan ekonomi Thailand pada kadar -5.3 peratus tahun ini**, yang merupakan prestasi paling lemah sejak 1998, iaitu ketika Thailand dilanda krisis kewangan Asia. (Reuters)

CHINA: Berdasarkan tinjauan oleh Reuters, **KDNK China pada tahun 2020 dijangka akan mencatatkan pertumbuhan pada paras terendah semenjak 44 tahun** yang lepas akibat COVID-19 yang melumpuhkan ekonomi. Ekonomi kedua terbesar di dunia itu **diramalkan bertumbuh 2.5 peratus** pada tahun ini, berdasarkan median ramalan 62 pengalisis yang disurvei oleh Reuters. Ini menandakan ekonomi China akan bertumbuh pada kadar yang paling lemah sejak tahun 1976. (Reuters)

CHINA: Eksport dan import China menurun pada kadar yang lebih perlahan daripada yang dijangkakan pada bulan Mac 2020 walaupun COVID-19 telah menular di negara-negara dagang utamanya. **Berdasarkan penilaian matawang US\$, eksport menurun -6.6 peratus** pada bulan Mac, lebih perlahan daripada jangkaan penurunan sebanyak -14 peratus. **Import turun -0.9 peratus** berbanding jangkaan penurunan -9.5 peratus. Oleh itu,imbangan perdagangan **menunjukkan lebihan AS\$ 19.9 bilion** berbanding dengan ramalan ahli ekonomi sebanyak AS\$ 18.5 bilion. Sementara itu, dalam penilaian matawang tempatan yuan, eksport menurun -3.5 peratus dari tahun lalu, manakala import meningkat 2.4 peratus, menjadikan lebihan perdagangan direkodkan kepada CNY 130 bilion pada bulan Mac. (RTT)

UK: Ekonomi UK berpotensi menyusut pada kadar -13 peratus, iaitu kadar paling rendah dalam tempoh 300 tahun. Hutang kerajaan dijangka akan meningkat setinggi ketika pasca-perang dunia kedua. Pada tempoh April-Jun sahaja, output ekonomi dijangka merosot sebanyak -35 peratus dengan kadar pengangguran meningkat dua kali ganda iaitu pada kadar 10 peratus. Pemulihan

ekonomi mungkin berlaku pada akhir tahun jika sekatan pergerakan bagi menangani penularan wabak COVID-19 berakhir. (Reuters)

EU: Ekonomi Perancis dijangka menyusut -8 peratus kesan daripada krisis kesihatan COVID-19. Kerajaan negara tersebut telah menyemak semula prospek ekonomi sebelum ini setelah presidennya memanjangkan tempoh sekatan pergerakan negara yang memberhentikan sementara sebahagian aktiviti ekonomi di negara ekonomi kedua terbesar zon eropah itu. Menerusi langkah berkenaan, **ekonomi Perancis dijangka menguncup -8 peratus tahun ini** berbanding -6 peratus yang diunjurkan sebelum ini. Perlanjutan tempoh itu akan memberi tekanan tambahan kepada kewangan awam, menjadikan defisit belanjawan sektor awam tertinggi semenjak Perang Dunia ke -2 iaitu 9 peratus daripada KDNK. (Reuters)

AS: Harga import di AS turun mendadak pada Mac 2020. Harga import menjunam -2.3 peratus pada bulan Mac setelah mencatatkan penurunan -0.7 peratus pada Februari 2020. Kejatuhan ini merupakan penurunan harga import bulanan yang terbesar sejak Januari 2015. Ahli ekonomi menjangkakan harga import akan jatuh sebanyak -1.7 peratus. **Penurunan harga import** yang lebih besar dari **jangkaan terjadi ketika harga untuk import bahan bakar turun -26.8 peratus** pada bulan Mac setelah merosot -9.0 peratus pada bulan Februari 2020. Tanpa mengambilkira penurunan harga bahan bakar yang turun mendadak, harga import kekal pada bulan Mac berbanding kenaikan 0.3 peratus pada bulan Februari. Harga yang lebih rendah untuk barang pengguna, makanan dan minuman mengimbangi harga yang lebih tinggi untuk kenderaan automotif, bekalan industri bukan bahan bakar dan barang modal. (RTT)

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

- 1) **IMF mengunjurkan KDNK Malaysia menguncup 1.7 peratus pada tahun 2020 dan bertumbuh ke 9.0 peratus pada tahun hadapan.** Walau bagaimanapun, pemulihan ekonomi tahun 2021 adalah bergantung kepada prestasi ekonomi pada separuh tahun kedua 2020 selepas berakhirnya penularan pandemik Covid-19.
- 2) Malaysia akan mengurangkan **pengeluaran minyak mentah sebanyak 136,000 bpd** pada bulan Mei dan Jun.
- 3) Hospital swasta turut terkesan dengan penularan COVID-19 ini dengan **mengurangkan penerimaan perkhidmatan kemasukan pesakit ke wad**, menangguhkan beberapa prosedur pilihan dan hanya menerima pesakit yang perlu diberi rawatan segera sahaja.
- 4) **Peperiksaan SPM, SVM, STAM** akan ditunda ke suku tahun pertama 2021 dan kemasukan pelajar baharu ke IPT ditangguh sehingga Julai dan Oktober 2021.
- 5) **Syarikat pengeluar alat diagnostik dan barang kuarantin** dari Korea menerima lonjakan pembelian Kit Pengesanan DiaPlexQ Solgent COVID-19 dan set pakaian pelindung dari pelbagai negara, termasuk Malaysia, di tengah-tengah pandemik Covid-19.
- 6) India telah bersetuju **untuk menjual 89,100 biji tablet hidroksiklorokuin kepada Malaysia** untuk digunakan dalam rawatan pesakit Covid-19. India adalah pengeluar hidroksiklorokuin terbesar di dunia, penjualannya melambung tinggi di seluruh dunia termasuk di Amerika Syarikat.
- 7) **Industri pembinaan** adalah penyumbang penting kepada ekonomi negara, menggaji kira-kira 1.4 juta pekerja dan **membayar gaji kira-kira RM40 bilion setahun**.
- 8) **Malaysian Rating Corp Bhd (MARC)** menjangkakan **terbitan sekuriti kerajaan Malaysia (MGS) dan terbitan pelaburan kerajaan (GII)** akan **lebih tinggi tahun ini**, memandangkan defisit fiskal yang semakin meningkat disebabkan oleh kekurangan pendapatan kerajaan rentetan harga minyak mentah yang rendah dan RM35 bilion suntikan fiskal.

- 9) Tawaran bon senior pelbagai-bahagian PETRONAS **bernilai US\$6 bilion telah berjaya menarik terlebih langganannya sebanyak 6.2 kali** yang menggambarkan keyakinan pasaran terhadap kekuatan kredit firma minyak dan gas. **Bon US\$6 bilion itu merangkumi nota konvensional bagi tempoh 10 tahun, 30 tahun dan 40 tahun.**
- 10) **Moody's Investors Service** menyatakan melalui pakej rangsangan, ekonomi Malaysia **bertumbuh antara 0.0 dengan 1.0 peratus pada tahun 2020** dan akan **melonjak kepada 5.0 peratus** pada tahun depan. Penurunan harga minyak mentah dijangka akan mengurangkan pendapatan kerajaan seterusnya meningkatkan **defisit fiskal di antara 4.0 dengan 4.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada 2020**, berbanding 3.4 peratus tahun lalu.
- 11) **Kabinet meluluskan penganjuran e-bazar** dengan kaedah iaitu pesanan yang dibuat dalam talian dan dihantar menggunakan kemudahan perkhidmatan e-hailing sahaja.
- 12) KPDNHEP akan **memantau bekalan dan harga bagi 25 barang keperluan harian** sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa, termasuk **kawalan harga maksimum bagi 12 barang keperluan harian** seperti ayam, telur ayam, minyak masak, tepung gandum, tomato, kubis dan ikan kembung
- 13) Program “Jom Digital”, anjuran Nexus Produktiviti Peruncitan dan Makanan & Minuman melalui aplikasi Webinar **menggalakkan usahawan dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana** (PKS) untuk mentransformasi **perniagaan ke arah pendigitalan** dan menggunakan platform perkongsian ekonomi.
- 14) Mesyuarat Kabinet telah memutuskan supaya Kementerian Dalam Negeri (KDN) **mewartakan 13 akademi penjara sebagai pusat tahanan** yang baharu untuk pesalah ingkar PKP dan yang berkaitan. Penukaran 13 akademi kepada penjara atau pusat tahanan adalah untuk memastikan penjarakan sosial dipatuhi sebagai **langkah pencegahan COVID-19**.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The EDGE	<p>Jobs are on the line</p> <p>Malaysia's unemployment rate in February stood firm at 3.3% from a year ago, meaning the country's jobless rate has been below 3.5% for 28 months. However, jobs could be on the line in the coming months as businesses cut costs to survive, according to economists.</p> <p>The International Monetary Fund (IMF), in its recent World Economic Outlook April 2020, launched yesterday, projected Malaysia's unemployment to spike to 4.9% this year, before easing to 3.4% in 2021.</p> <p>Sunway University Business School Economics Professor Dr Yeah Kim Leng said he expects hiring to have been put on hold in March.</p> <p>Bank Islam chief economist Dr Mohd Afzanim Abdul Rashid concurred that the jobless rate is expected to creep up starting March, noting that the outlook on the labour market will really depend on the duration of the MCO.</p> <p>MIDF has also revised its unemployment rate forecast to 3.8% this year amid the slowdown in both domestic and global economies.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/jobs-are-line

2.	Berita Harian	<p>MYEG perkenal platform Nak Makan</p> <p>MY E.G Services Bhd (MYEG) melalui laman e-dagang, Nak Beli memperkenalkan Nak Makan, platform baharu perkhidmatan makanan untuk memasarkan makanan dan produk yang boleh ditempah oleh pelanggan secara dalam talian.</p> <p>Dalam kenyataan hari ini, katanya fokus utama platform itu ialah membantu vendor makanan pada bulan Ramadan dalam menyampaikan juadah mereka kepada orang ramai secara dalam talian.</p> <p>Ia berkata, pengenalan inisiatif e-Bazar Ramadan Nak Makan adalah untuk menyokong vendor makanan tempatan dengan menyediakan platform khusus bagi mereka ketika bulan Ramadan dan membantu menjana pendapatan tambahan.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/04/677224/myeg-perkenal-platform-nak-makan
----	----------------------	---	---

Penemuan penting & isu:

1. Kadar pengangguran meningkat 3.3 peratus pada Februari 2020 dan kekal di bawah paras 3.5 peratus sejak 28 bulan lalu. IMF mengunjurkan kadar pengangguran Malaysia meningkat kepada 4.9 peratus pada tahun ini. Pakar ekonomi Bank Islam juga menjangkakan peningkatan kadar pengangguran mulai Mac dan menyatakan prospek pasaran buruh bergantung pada jangka masa PKP.
2. MYEG telah mewujudkan platform edagang baharu untuk memasarkan makanan dan produk yang boleh ditempah oleh pelanggan secara dalam talian. Fokus utama platform itu ialah membantu vendor makanan pada bulan Ramadan dalam menyampaikan juadah mereka kepada orang ramai secara dalam talian.

Maklumbalas Bahagian:

1. Unjuran peningkatan kadar pengangguran oleh beberapa pakar ekonomi akibat pandemik Covid-19 akan memberi impak kepada ekonomi negara terutamanya dalam komponen pampasan pekerja. Pada tahun 2018, pampasan pekerja telah menyumbang sebanyak 35.7 peratus kepada KDNK harga semasa.
2. Pewujudan platform e-dagang baharu akan memberi peluang kepada peniaga untuk meneruskan perniagaan sepanjang musim PKP. Inisiatif ini secara tidak langsung akan meningkatkan sumbangan e-dagang kepada ekonomi Malaysia. Sumbangan e-dagang kepada KDNK Malaysia merekodkan 8.0 peratus pada tahun 2018 berbanding 7.8 peratus pada tahun sebelumnya.

B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit			
1.	The Star	<p>Malaysia to cut crude oil output by 136,000 bpd</p> <p>Malaysia has agreed to cut its crude oil production by 136,000 bpd for May and June 2020 despite being a small producer and net importer of oil. The supply reduction agreement between OPEC members and allies, as it would stabilise the global oil market and ensure supply security for consumers.</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/15/malaysia-to-cut-crude-oil-output-by-136000-bpd
2.	Malay mail	<p>MCO influencing purchasing trends as more stock up on foods, essentials, and sanitation items, survey shows</p> <p>Malaysians cope with the MCO that forced them indoors for most of the day, a research firm has revealed that remaining at home has also influenced the purchasing trend of local consumers.</p>	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/15/mco-influencing-purchasing-trends-as-more-stock-up-on-foods-essentials-and/1856929

		<p>Based on the report market research technology firm Vase showed that majority of purchases done by consumers during this period were for necessary essentials, food items or those related to personal hygiene.</p> <p>Since the COVID-19 outbreak, consumers are purchasing mostly groceries (97 per cent), personal hygiene items (91 per cent), household items (88 per cent), and face masks, hand sanitisers or disinfectants</p>	
3.	The Malaysia Reserve	<p>Billions of revenue losses seen as April retail sales to shrink 60.7%</p> <p>Based on the retail sale performances of essential retailers during the first two weeks of the MCO, as well as the assumption of zero income for almost all the non-essential retailers, the month of April is expected to contract by 60.7% in retail sales compared to the same month of 2019.</p>	https://themalaysianreserve.com/2020/04/15/billions-of-revenue-losses-seen-as-april-retail-sales-to-shrink-60-7/
B. Subsektor Kewangan			
4.	The Malay Mail	<p>Bank Muamalat HQ, Jalan Melaka branch closed due to Masjid India area EMCO</p> <p>Bank Muamalat Malaysia Bhd's headquarters and branch at Jalan Melaka will be closed following the enforcement of the enhanced movement control order (EMCO) in the Masjid India area from April 15 until April 28.</p>	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/14/bank-muamalat-hq-jalan-melaka-branch-closed-due-to-masjid-india-area-emco/1856689

5.	The Edge	<p>AMMB, Insurance Australia reopen AmGeneral sale</p> <p>The owners of AmGeneral Insurance Bhd have restarted a sale process and are seeking as much as US\$1 billion for the company. Kuala Lumpur-listed AMMB Holdings Bhd and Insurance Australia Group Ltd invited potential suitors to submit non-binding bids for the Malaysian insurer by the end of this month. AMMB controls 51% of AmGeneral, while IAG owns the remaining balance.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/ammb-insurance-australia-reopen-amgeneral-sale
C. Subsektor Kesihatan			
6.	The Star	<p>KPJ sees much lower occupancy</p> <p>According to Public Invest Research, KPJ's group is experiencing a much lower occupancy rate of 25% in its hospitals during the MCO period, as opposed to its normal level of 60%-65% as at mid-February. KPJ has scaled down its operations in an attempt to minimise the possibility of cross-infections of COVID-19. The group has cut down its inpatient services, delaying elective procedures, and is focusing only on the life-threatening cases.</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/15/kpj-sees-much-lower-occupancy
D. Subsektor Pendidikan			
7.	Berita Harian	<p>SPM, SVM, STAM ditunda pada suku pertama 2021</p> <p>Tarikh peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/677554/spm-svm-stam-ditunda-pada-suku-pertama-2021

	<p>Vokasional Malaysia (SVM) akan ditunda kepada suku pertama tahun depan. Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah bersetuju untuk menangguhkan tarikh kemasukan baharu ke institusi pengajian tinggi (IPT) bagi program asasi, matrikulasi dan peringkat diploma sehingga Julai atau Ogos 2021, manakala program ijazah pada September atau Oktober 2021.</p>	<u>ditunda-pada-suku-pertama-2021</u>
<p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Malaysia akan mengurangkan pengeluaran minyak mentah sebanyak 136,000 bpd pada bulan Mei dan Jun. 2. Sepanjang tempoh PKP, pengguna lebih banyak membeli stok makanan, barang keperluan, dan barang penjagaan kebersihan. 3. Hasil jualan Perdagangan Runcit dilihat akan merosot sehingga 60.7 peratus pada bulan April 2020. 4. Terdapat penutupan ibu pejabat dan cawangan bank bagi kawasan penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan yang dipertingkatkan (PKPD). Namun pelanggan masih boleh mendapatkan servis perbankan yang ditawarkan secara online bagi kemudahan yang diperlukan. 5. Hospital swasta turut terkesan dengan penularan COVID-19 ini dengan mengurangkan penerimaan perkhidmatan kemasukan pesakit ke wad, menangguhkan beberapa prosedur pilihan dan hanya menerima pesakit yang perlu diberi rawatan segera sahaja. 6. Peperiksaan SPM, SVM, STAM akan ditunda ke suku tahun pertama 2021 dan kemasukan pelajar baharu ke IPT ditangguh sehingga Julai dan Oktober 2021. 		
<p>Maklumbalas Bahagian:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengeluaran minyak mentah negara yang berkurangan akan menjaskan sektor Perdagangan Borong & Runcit. 2. PKP fasa ketiga yang bermula pada 15 hingga 28 April 2020 akan menjaskan subsektor Perdagangan Runcit sehingga lebih 50 peratus hasil jualan merosot. 3. Pengurangan bilangan pesakit yang membuat rawatan di hospital perubatan swasta akan menyumbang kepada penurunan hasil bagi aktiviti hospital swasta (MSIC 86100). 		

C.	Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Star	<p>Surge in foreign orders for Korean Covid-19 test kits</p> <p>Korean safety solution company Caremile said Tuesday it is seeing a rapid surge in orders of Korean-made diagnostic kits and quarantine goods from various countries, including Ukraine, Poland, Turkey, Uzbekistan, Mexico, Iraq and Malaysia, amid the COVID-19 pandemic.</p>	https://www.thestar.com.my/news/regional/2020/04/15/surge-in-foreign-orders-for-korean-covid-19-test-kits
2.	Astro Awani	<p>India agrees to sell hydroxychloroquine to Malaysia to help fight COVID-19</p> <p>India has agreed to sell hydroxychloroquine tablets to Malaysia for use in the treatment of COVID-19 patients, a Malaysian minister told Reuters on Wednesday, with New Delhi partially lifting its ban on exports of the anti-malarial drug.</p> <p>India is the world's largest producer of hydroxychloroquine, sales of which have soared across the world including in the United States, especially after President Donald Trump touted it as a potential weapon against COVID-19, the disease caused by the novel coronavirus.</p>	http://english.astroawani.com/malaysia-news/india-agrees-sell-hydroxychloroquine-malaysia-help-fight-covid-19-238511
3.	The Star	<p>Oil weighed down after 10% drop on lingering demand fears</p> <p>OIL was anchored near US\$20 a barrel after tumbling 10% on Tuesday as concerns over virus-driven demand destruction overshadowed a</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/15/oil-weighed-down-after-10-drop-on-lingering-demand-fears

		<p>historic deal by the world's biggest producers slash output.</p> <p>While Saudi Arabia and other Gulf producers have pledged to cut supply starting next month, they continue to flood the market, swelling global stockpiles and testing capacity limits. The world is still choking on too much oil and will run out of places to store it within a month, according to trader Gunvor Group Ltd.</p>	
4.	The Edge Markets	<p>Plantation sector experts concerned over May CPO exports</p> <p>Malaysian Palm Oil Board director-general Dr Ahmad Parvez Ghulam Kadir said that the export performance is not dependent on CPO export duty.</p> <p>“Our current concern in terms of exports is the impact of the COVID-19 pandemic on palm oil demand among importing countries.</p> <p>“If this pandemic leads to a prolonged lockdown or movement control order (MCO) in the importing countries, it may result in lower palm oil consumption, thus affecting palm oil exports,” he said to Bernama.</p> <p>Ahmad Parvez said the 0.5 per cent cut in export duty would not boost exports since 80 per cent of palm oil exports are in the form of processed palm oil, which is not subjected to export duty.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/plantation-sector-experts-concerned-over-may-cpo-exports
5.	Market Access Map, International Trade Centre (ITC)	COVID-19 Temporary Trade Measures	https://macmap.org/en/covid19

	Daily update of COVID-19 trade measures: Republic of Korea restricts exports of masks and waives tariffs on the import of masks.	
--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Syarikat pengeluar alat diagnostik dan barang kuarantin dari Korea menerima lonjakan pembelian Kit Pengesanan DiaPlexQ Solgent COVID-19 dan set pakaian pelindung dari pelbagai negara, termasuk Malaysia, di tengah-tengah pandemik Covid-19.
2. India telah bersetuju untuk menjual 89,100 biji tablet hidroksiklorokuin kepada Malaysia untuk digunakan dalam rawatan pesakit Covid-19. India adalah pengeluar hidroksiklorokuin terbesar di dunia, penjualannya melambung tinggi di seluruh dunia termasuk di Amerika Syarikat, terutama setelah Presiden Donald Trump menyebutnya sebagai senjata berpotensi melawan Covid-19. India pada bulan lalu menahan eksport hidroksiklorokuin untuk kegunaan negaranya sendiri, sebelum setuju pada bulan ini untuk membekalkannya kepada beberapa negara jiran dan juga negara sangat terkesan dengan Covid-19. Malaysia akan berusaha untuk mendapatkan lebih banyak tablet hidroksiklorokuin dari India, yang juga bergantung pada ketersediaan stok.
3. Harga minyak petroleum mentah menurun kepada US \$20.66 setong pada hari Selasa berbanding US \$23.73 setong pada hari Khamis kerana kebimbangan terhadap kehilangan permintaan yang didorong oleh Covid-19 ditambah dengan pertambahan stok global oleh Arab Saudi dan pengeluar Teluk lain. Eksport minyak mentah Arab Saudi setakat ini pada bulan April mencapai 9.3 juta tong sehari, dibandingkan dengan 6.8 juta tong sehari dalam dua minggu pertama bulan Mac. Harga minyak dijangka akan kembali stabil kepada paras US \$30 setong apabila dunia pulih daripada Covid-19 dan pemotongan pengeluaran oleh Negara OPEC.
4. Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) memaklumkan bahawa kesan pandemik Covid-19 terhadap permintaan minyak sawit mentah (MSM) di antara negara-negara pengimport akan menjelaskan eksport MSM. Walau bagaimanapun, menurut penganalisis, permintaan dijangka akan terus kukuh dari India dan China. Eksport juga dijangka akan meningkat, dipimpin oleh permintaan dari Kesatuan Eropah (EU) dan Pakistan. Eksport ke EU melonjak 29% bulan ke bulan (m-o-m) pada bulan Mac 2020 kepada 195,300 tan sementara eksport ke Pakistan melonjak 43% m-o-m kepada 67,000 tan, membantu mengimbangi eksport yang lebih rendah ke India, yang turun 97% m-o-m kepada 10,800 tan dan juga ke China, yang menurun 14% m-o-m kepada 148,000 ton. Walaupun dengan pemantauan terhadap situasi COVID-19 dan program biodiesel Indonesia, penganalisis

<p>menjangkakan permintaan-penawaran MSM di Malaysia masih lebih baik daripada tahun 2019.</p> <p>5. Pada 14/4/2020, Korea telah menyekat eksport topeng dan mengenepikan tarif atas import topeng.</p>
<p>Maklumbalas Bahagian:</p> <ol style="list-style-type: none"> Nilai import petroleum mentah (HS 2709) pada tahun 2019 ialah RM26.8 bilion dengan sumber import utama dari negara Arab Saudi (RM9.3 bilion, 34.8%), UAE (RM4.3 bilion, 15.9%) dan Venezuela (RM2.5 bilion, 9.5%). Bagi tempoh Januari-Februari 2020, import petroleum mentah bernilai RM6.0 bilion, peningkatan RM1.7 bilion atau 40.3% berbanding tempoh yang sama pada 2019. Manakala, nilai eksport petroleum mentah pada 2019 bernilai RM29.1 bilion dengan Negara destinasi utama iaitu Australia (RM7.2 bilion, 24.8%), India (RM6.6 bilion, 22.7%) dan Thailand (RM5.8 bilion, 20.0%). Bagi tempoh Januari-Februari 2020, eksport petroleum mentah bernilai RM4.2 bilion, penurunan RM487.2 juta atau 10.4% berbanding tempoh yang sama pada 2019. Nilai import minyak sawit mentah, MSM (HS 151110) pada tahun 2019 ialah RM1.9 bilion dengan sumber import utama dari Indonesia (RM1.7 bilion, 91.7%). Bagi tempoh Januari-Februari 2020, import MSM bernilai RM288.6 juta, jatuh RM13.7 juta atau 4.5% berbanding tempoh sama tahun lepas. Manakala eksport MSM pada 2019 adalah RM7.7 bilion dengan destinasi eksport utama ke India (RM3.3 bilion, 42.2%), Belanda (RM1.5 bilion, 19.0%) dan Sepanyol (RM882.9 juta, 11.4%). Bagi tempoh Januari-Februari 2020, eksport MSM bernilai RM889.5 juta, jatuh RM310.9 juta atau 25.9% berbanding tempoh yang sama pada 2019. Korea merupakan sumber import topeng muka (HS 6307904000) ketiga kepada Malaysia selepas China dan Taiwan. Pada tahun 2019, import topeng muka dari Korea bernilai RM965.5 juta atau 13.9%. Pada tahun 2020, Malaysia ada mengimport topeng muka dari Korea pada bulan Februari dengan nilai RM36.0 ribu. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak Covid-19.

D.	Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Focus Malaysia	<p>Crest Builder needs to step up construction jobs post-MCO, says AmBank Research</p> <p>CREST Builder Holdings Bhd (CBHB) will need to increase its work shifts to clear backlogged work due to the Movement Control Order (MCO).</p>	https://focusmalaysia.my/mainstream/crest-builder-needs-to-step-up-construction-jobs-post-mco-says-ambank-research/

2.	Malaysia Kini	Contractors urge gov't to repay outstanding GST refunds to ease cash flow The government has been urged to repay outstanding goods and services tax (GST) refunds to the construction industry to ease their cash flow which has been affected by the movement control order (MCO) - MBAM	https://www.malaysiakini.com/news/520783
3.	BH Online	MBAM, REHDA pastikan keselamatan di tapak pembinaan Persatuan Kontraktor Binaan Malaysia (MBAM) dan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (REHDA) Malaysia komited untuk bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan untuk memastikan keselamatan di tempat kerja dan mencegah penularan COVID-19.	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/677218/mbam-rehda-pastikan-keselamatan-di-tapak-pembinaan
4.	The Star	Solarvest wins project in Philippines The solar photovoltaic (PV) system specialist obtained the two engineering, construction and commissioning (EPCC) projects from Vivant Energy Corp, a wholly-owned subsidiary of Vivant Corp.	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/15/solarvest-wins-project-in-philippines

Penemuan penting & isu:

1. CREST Builder Holdings Bhd (CBHB) akan tetap menguntungkan pada tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2020 (TK20) hingga TK21, dengan buku pesanan terkumpul berjumlah RM1.24 bilion - AmBank Group Research.
2. PKMM (WP) berharap Kerajaan meneliti suatu mekanisme untuk membantu kontraktor berdepan masalah aturan tunai akibat peningkatan kos logistik, sewaan mesin dan kos bahan mentah yang terpaksa ditanggung kontraktor.

- | |
|--|
| <p>3. Industri pembinaan adalah penyumbang penting kepada ekonomi negara, menggaji kira-kira 1.4 juta pekerja dan membayar gaji kira-kira RM40 bilion setahun - MBAM, REHDA.</p> <p>4. Pelaburan Solarvest pertama di luar Malaysia dan syarikat mendapat peluang serta keyakinan daripada syarikat Vivant Corp di Filipina.</p> |
|--|

Maklumbalas Bahagian:

1. Pemantauan berterusan bagi pertubuhan-pertubuhan dan industri di dalam survei jangka pendek dan jangka panjang.
2. Membuat semakan pengeluaran dan harga bahan binaan tempatan dan import ke atas industri terkesan terutamanya dalam sektor pembinaan.
3. Industri solar membawa kepada tenaga baharu lebih bersih dan mampan serta menawarkan kos yang efektif di pasaran dunia yang sedang berkembang pesat.

E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Bernama	<p>Stimulus package to leave govt with wider fiscal deficit - Moody's</p> <p>The series of economic stimulus package announced by the government will leave the government with a wider fiscal deficit at least for 2020. The package would also increase the government's fiscal consolidation challenge over the next few years, particularly given a debt burden that is already higher than similarly rated peers. The export-oriented and tourism sectors, including the electrical and electronics industry which accounts for around 30 per cent of Malaysia's goods and services exports, will be hit hard by weak global demand, while domestic services will be constrained for as long as movement restrictions are in place. The stimulus, slower growth and lower oil prices that will reduce government revenue</p>	https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1832114

		are likely to push the fiscal deficit up to 4.0-4.5 per cent of gross domestic product (GDP) in 2020, from 3.4 per cent in 2019.	
2.	The Edge	<p>MARC expects higher issuance of MGS in 2020 due to widening fiscal deficit</p> <p>Malaysian Rating Corp Bhd (MARC) expects a higher issuance of Malaysian government securities (MGS) and government investment issues (GII) this year, in view of the widening fiscal deficit due to the shortfall in government revenue amid low crude oil prices and the RM35 billion fiscal injection. MGS yields in the secondary market edged significantly higher from early to mid-March, following demand for US treasury bonds by foreign investors.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/marc-expects-higher-issuance-mgs-2020-due-widening-fiscal-deficit
3.	The Edge	<p>Earnings risks for local O&G firms</p> <p>A delay in projects by Petroliam Nasional Bhd (Petronas) may pose earnings risks for local oil and gas (O&G) companies. Market observers said the movement control order (MCO) in Malaysia and the lockdowns in other countries could see a delay in complex upstream projects such as enhanced oil recovery, marginal oil fields and some exploration and development activities. An analyst noted that while Petronas had said it would maintain its capital expenditure</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/15/earnings-risks-for-local-oq-firms

		(capex) for this year, a delay in some of its projects would translate into increased operating costs for the local service providers as well as their cashflow.	
4.	Bernama	<p>Bon Petronas US\$6 bilion terlebih langgan 6.2 kali</p> <p>Tawaran bon senior pelbagai-bahagian PETRONAS bernilai US\$6 bilion berjaya menarik terlebih langganan sebanyak 6.2 kali yang menggambarkan keyakinan pasaran terhadap kekuatan kredit firma minyak dan gas. Bon US\$6 bilion itu merangkumi nota konvensional masing-masing US\$2.25 bilion bagi tempoh 10 tahun, US\$2.75 bilion untuk 30 tahun dan US\$1 bilion bagi 40 tahun. Bon-bon tersebut menerima permintaan memberangsangkan dengan nilai pesanan mencecah US\$37 bilion pada tempoh penetapan harga yang merupakan antara tempahan terbesar bagi penerbit Asia setakat ini.</p>	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1832106
<p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Akhbar 1: Pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan oleh kerajaan akan meningkatkan defisit fiskal Malaysia. Pakej rangsangan ekonomi, pertumbuhan lebap dan penurunan harga minyak mentah dijangka akan menurunkan pendapatan kerajaan dan seterusnya meningkatkan defisit fiskal kepada 4.0 hingga 4.5 peratus daripada KDNK 2020. 2. Akhbar 2: Malaysian Rating Corp Bhd (MARC) menjangkakan terbitan sekuriti kerajaan Malaysia (MGS) dan terbitan pelaburan kerajaan (GII) akan lebih tinggi tahun ini, memandangkan defisit fiskal yang semakin meningkat disebabkan oleh kekurangan pendapatan kerajaan rentetan harga minyak mentah yang rendah dan RM35 bilion suntikan fiskal. 3. Akhbar 3: Penundaan dalam projek Petronas mungkin mencetuskan risiko pendapatan bagi syarikat minyak dan gas tempatan di mana pembekal perkhidmatan tempatan terpaksa menghadapi peningkatan kos operasi. 4. Akhbar 4: Tawaran bon senior pelbagai-bahagian PETRONAS bernilai US\$6 bilion telah berjaya menarik terlebih langganan sebanyak 6.2 kali 			

yang menggambarkan keyakinan pasaran terhadap kekuatan kredit firma minyak dan gas. Bon US\$6 bilion itu merangkumi nota konvensional bagi tempoh 10 tahun, 30 tahun dan 40 tahun.			
Maklumbalas Bahagian:			
F.	Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)	Akhbar	Ringkasan
1.	Bernama <p>IMF: Malaysia's GDP to grow 9 per cent in 2021, fastest among ASEAN-5 countries</p> <p>The International Monetary Fund (IMF) has projected Malaysia's real gross domestic product (GDP) to grow at a rate of nine per cent next year, the fastest among the ASEAN-5 countries which are expected to see a combined GDP growth of 7.8 per cent.</p> <p>The IMF's latest 2021 projection for Malaysia is higher than Fitch Ratings' growth forecast of 5.8 per cent.</p> <p>Global growth is expected to rebound to 5.8 percent in 2021,</p>	Pautan <p>https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1831996</p>	

		<p>well above trend, reflecting the normalisation of economic activity from very low levels. It projected -3 per cent global growth for 2020, which is largely affected by COVID-19 pandemic.</p> <p>The rebound in 2021 depends critically on the pandemic fading in the second half of 2020, allowing containment efforts to be gradually scaled back and restoring consumer and investor confidence.</p>	
--	--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. International Monetary Fund (IMF) mengunjurkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia tumbuh pada kadar sembilan peratus bagi tahun 2021, tertinggi di antara 5 negara ASEAN yang mana pertumbuhan ASEAN-5 dijangka sebanyak 7.8 peratus. Pertumbuhan global dijangka meningkat semula kepada 5.8 peratus pada tahun 2021, mencerminkan aktiviti ekonomi kembali pulih dari tahap yang rendah.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka berkembang pesat berbanding negara ASEAN yang lain (Indonesia, Thailand, Filipina, Vietnam) pada tahun 2021 berikutan aktiviti ekonomi global yang dijangka akan kembali normal susulan penyusutan kes pandemik COVID-19 pada separuh tahun kedua 2020. Senario ini turut bergantung kepada keberkesanan usaha untuk membendung penularan wabak ini serta keyakinan pengguna dan pelabur.

G.	Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Harian Metro	<p>Tiada pembelian panik</p> <p>KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan memantau bekalan dan harga 25 barang keperluan harian sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa.</p> <p>Bekalan barang keperluan pengguna mencukupi dan mampu</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/566888/tiada-pembelian-panik

		<p>menampung permintaan semasa dengan corak pembelian adalah normal dan tiada pembelian panik.</p> <p>Seperti diumumkan semalam, Skim Harga Maksimum PKP akan berkuat kuasa bermula hari ini sehingga 28 April bagi memastikan harga 12 barang keperluan harian dapat dikawal seperti ayam, telur ayam, minyak masak, tepung gandum, tomato, kubis dan ikan kembung</p>	
2.	Harian Metro	<p>Hanya 2 penerbangan di LTSM sehari</p> <p>LEBIH 50 peratus petugas di Lapangan Terbang Sultan Mahmud (LTSM), Kuala Nerus bekerja dari rumah sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan bermula 18 Mac lalu.</p> <p>Sepanjang PKP ini juga, jumlah penerbangan berkurangan dari semasa ke semasa menyebabkan kita tidak memerlukan petugas yang ramai pada satu-satu masa.</p> <p>Ketika ini, hanya ada dua penerbangan iaitu dari Subang ke Kuala Terengganu (KT) dan KT-Subang.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/566976/hanya-2-penerbangan-di-ltsm-sehari-metrotv
3.	Sinar Harian	<p>Penerbangan ke Sabah, Sarawak ada syaratnya: Ismail Sabri</p> <p>Keputusan kerajaan untuk membenarkan penerbangan Domestik ke Sabah dan Sarawak seminggu sekali ketika ini adalah untuk membawa pulang rakyat di kedua-dua negeri itu yang telah selesai menjalani kuarantin 14 hari.</p> <p>Sementara itu, dalam perkembangan sama, beliau turut menjelaskan kerajaan juga sedia pertimbang untuk membenarkan</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/79024/KHAS/Koronavirus/Penerbangan-ke-Sabah-Sarawak-ada-syaratnya-Ismail-Sabri

	penerangan dua kali seminggu atau mengikut keperluan sekiranya terdapat lebih ramai rakyat di kedua-dua negeri itu yang selesai menjalani proses kuarantin.	
--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. KPDNHEP akan memantau bekalan dan harga 25 barang keperluan harian sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa, termasuk kawalan harga maksimum bagi 12 barang keperluan harian dapat dikawal seperti ayam, telur ayam, minyak masak, tepung gandum, tomato, kubis dan ikan kembung.
2. Dua Penerbangan sehari dijalankan di LTSM iaitu dari Subang ke Kuala Terengganu (KT) dan KT- Subang sahaja beroperasi Kuala Terengganu.
3. Kerajaan membenarkan penerbangan Domestik ke Sabah dan Sarawak sekali seminggu bagi membawa pulang rakyat di kedua-dua negeri itu yang telah selesai menjalani kuarantin 14 hari.

Maklumbalas Bahagian:

1. Bahagian mengambil makluman kawalan harga bagi 12 barang keperluan harian sepanjang PKP Fasa 3 dijangka akan memberikan kesan kepada IHP April 2020 terutamanya bagi kumpulan 01- Makanan dan minuman bukan alkohol. Dengan pengenalan kawalan harga maksimum ini akan memberi tekanan yang rendah kepada inflasi.
2. Bahagian ambil maklum hanya 2 penerbangan domestik sehari di Kuala Terengganu dan akan di ambil kira dalam IHP April 2020 bagi negeri Terengganu.
3. Bahagian ambil maklum tentang penerbangan domestik Sabah dan Sarawak diteruskan dan akan di ambil kira dalam IHP April 2020 bagi negeri Sabah dan Sarawak.

H. Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Harian Metro	43 rakyat terkandas di Nepal selamat pulang Semua 43 rakyat Malaysia yang dikenal pasti terkandas di Nepal disebabkan sekatan perjalanan akibat wabak Covid-19, selamat dihantar balik ke tanah air pada 4 April lalu.	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/566830/43-rakyat-terkandas-di-nepal-selamat-pulang
2.	Harian Metro	Kes keganasan rumah tangga menurun	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/566932/kes-keganasan-rumah-tangga-menurun

		Jumlah kes keganasan rumah tangga di Pulau Pinang menurun sepanjang dua fasa pertama penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan 15 kes direkodkan berbanding 22 kes dalam tempoh sama tahun lalu.	<u>keganasan-rumah-tangga-menurun</u>
3.	Astro Awani	COVID-19: Muar kini zon merah, jumlah keseluruhan zon merah 27 Satu lagi daerah iaitu Muar di Johor dikategorikan sebagai zon merah COVID-19 menjadikan jumlah keseluruhan 27 kawasan setakat 12 tengah hari semalam, menurut Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) Kementerian Kesihatan (KKM).	http://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid-19-muar-kini-zon-merah-jumlah-keseluruhan-zon-merah-27-238453
6.	Astro Awani	13 Akademi Latihan Penjara diwartakan sebagai Penjara Khas pesalah PKP Kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri (KDN) mewartakan 13 Akademi Latihan Penjara sebagai Penjara Khas untuk menempatkan pesalah yang ingkar Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).	http://www.astroawani.com/berita-malaysia/13-akademi-latihan-penjara-diwartakan-sebagai-penjara-khas-pesalah-pkp-238458
7.	Harian Metro	Penjara dinyah cemar Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak melaksanakan sanitasi di dua penjara di negeri ini.	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/566968/penjara-dinyah-cemar
8.	Berita Harian	Jepun unjur kematian COVID-19 cecah 400,000 Angka kematian di Jepun akibat COVID-19 boleh mencerekah 400,000 sekiranya tiada langkah	https://www.bharian.com.my/dunia/asia/2020/04/677486/jepun-unjur-kematian-covid-19-cecah-400000

		pencegahan diambil bagi mengekang penularan wabak itu.	
--	--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. 43 rakyat Malaysia yang terkandas di Nepal dibawa pulang melalui penerbangan sewa khas Malindo Air. Walau bagaimanapun, terdapat sejumlah kecil rakyat Malaysia masih berada di Nepal atas kehendak sendiri.
2. Bagi tempoh fasa pertama PKP dari 18 hingga 31 Mac, terdapat sedikit peningkatan iaitu sebanyak 13 kes berbanding 10 kes bagi tempoh sama tahun lalu. Namun, bermula 1 April hingga 14 April iaitu fasa kedua PKP, hanya terdapat dua kes direkodkan berbanding 12 kes pada tahun lalu dan secara keseluruhan, kes membabitkan keganasan rumah tangga sepanjang tempoh PKP ini menurun sebanyak tujuh kes.
3. Daerah Muar merekodkan 44 kes positif COVID-19. Zon merah mewakili jumlah positif COVID-19 melebihi 41 kes, zon jingga (20-40 kes), zon kuning (1-19 kes) dan zon hijau tiada kes.
4. Mesyuarat Kabinet telah memutuskan supaya Kementerian Dalam Negeri (KDN) mewartakan 13 akademi penjara sebagai pusat tahanan yang baharu untuk pesalah ingkar PKP dan yang berkaitan. Penukaran 13 akademi kepada penjara atau pusat tahanan adalah kepada pesalah PKP untuk memastikan penjarakan sosial dipatuhi sebagai langkah pencegahan COVID-19 dilaksanakan.
5. Penolong Pengarah Operasi JBPM Sarawak, Tiong Ling Hii berkata, hari ini pihaknya melaksanakan program itu di Penjara Pusat Miri. Seramai 12 anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Miri Sentral bersama 20 anggota Jabatan Penjara Malaysia dan dua kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terbabit dalam program berkenaan. Operasi nyah cemar dilaksanakan di seluruh kawasan penjara. Sementara itu, program sanitasi awam bagi memutuskan rantaian Covid-19 terus dilaksanakan di tempat tumpuan ramai di seluruh negeri.
6. Angka kematian di Jepun akibat COVID-19 boleh mencapai 400,000 sekiranya tiada langkah pencegahan diambil bagi mengekang penularan wabak itu. Menurut anggaran Kementerian Kesihatan Jepun, pesakit yang memerlukan bantuan ventilator turut dijangka mencapai 850,000 orang. Jepun mempunyai lebih 8,000 kes COVID-19 dan 162 kematian akibat virus itu, berdasarkan statistik yang dikeluarkan.

Maklum balas Bahagian:

1. Bahagian akan mengenal pasti bilangan dan mendapatkan maklumat rakyat Malaysia yang dibawa pulang dari negara luar bagi tujuan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.
2. Masalah rumah tangga akan memberi kesan kepada pembangunan sosial di negara ini. Beberapa soalan berkaitan hubungan sosial dan

kesejahteraan keluarga akan ditanya semasa Banci 2020 untuk mengukur tahap kesejahteraan penduduk di Malaysia.

3. Bahagian juga akan mengenal pasti bilangan dan mendapatkan maklumat rakyat Asing yang menetap di Malaysia bagi tujuan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.
4. Pertambahan kes positif di daerah Muar yang meningkat menjadikan daerah tersebut kepada zon merah. Hal ini akan menyebabkan kegiatan ekonomi harian dan pendapatan penduduk daerah tersebut terkesan. Tahap kesihatan penduduk juga dapat dinilai dan purata kematian dapat dianggarkan.
5. Pewartaan 13 akademi dapat menampung pertambahan individu yang ingkar PKP dan sejurusnya menambah kepada purata individu dalam penjara. Maklumat awalan perlu direkodkan untuk tujuan banci awalan TKI.
6. Operasi nyah cemar dapat meningkatkan taraf kesihatan penduduk daripada dijangkiti wabak penyakit Covid 19. Masalah taraf kesihatan juga akan memberi kesan kepada pembangunan sosial di negara ini. Beberapa soalan berkaitan hubungan sosial dan kesihatan keluarga akan dikumpul semasa Banci 2020 untuk mengukur tahap kesihatan penduduk di Malaysia.
7. Bahagian sentiasa mengambil maklum dan memantau bilangan kematian disebabkan COVID-19. Analisa mengenai bilangan kematian serta ciri-ciri demografi seperti jantina, kumpulan umur dan negeri akan dijadikan input bagi penyediaan Penerbitan Perangkaan Kematian dan Sebab Kematian yang akan diterbitkan oleh Bahagian. Data yang diterbitkan seperti kadar kematian mengikut sebab kematian, negeri dan mengikut daerah pentadbiran.

I. Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian	<p>Lebih 100 kilogram ikan air tawar tak terjual</p> <p>Lebih 100 kilogram pelbagai jenis ikan air tawar yang berjaya ditangkap oleh penduduk Kampung Orang Asli Sedohok, dekat sini tidak dapat dijual berikutan tiada orang tengah datang untuk membeli hasil tangkapan mereka.</p> <p>Berikutan lambakan ikan dan udang galah ini, penduduk kampung terpaksa memberhentikan aktiviti</p>	https://www.bhariani.com.my/berita/wilayah/2020/04/677333/lebih-100-kilogram-ikan-air-tawar-tak-terjual

		menangkap ikan kecuali memeriksa tangkapan di pukat gombang antara tiga hingga empat hari sekali. Situasi ini menyebabkan mereka terputus punca pendapatan untuk membeli keperluan harian keluarga.	
2.	Berita Harian	<p>COVID-19: Pendapatan pengusaha strawberi Cameron Highlands terjejas</p> <p>Pendapatan pengusaha kebun strawberi di Taman Sedia, Tanah Rata di sini, terjejas kerana tidak dapat dipasarkan disebabkan tiada pengunjung.</p> <p>Rata-rata pengusaha di sini, terpaksa memikirkan usaha menjadikannya produk hiliran seperti jem, kordial dan aiskrim supaya strawberi tidak terbuang bagi mengelakkan kerugian berterusan.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/677384/covid-19-pendapatan-pengusaha-strawberi-cameron-highlands-terjejas
3.	Berita Harian	<p>COVID-19: Konsep e-bazar guna e-hailing saja dibenarkan</p> <p>Kabinet meluluskan penganjuran e-bazar menerusi pesanan yang dibuat dalam talian dan dihantar menggunakan kemudahan e-hailing.</p> <p>Menteri Kanan (Keselamatan), berkata dua lagi konsep e-bazar, iaitu pandu lalu dan ambil pesanan yang ditempah di gerai belum diluluskan serta masih diperhalusi.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/677492/covid-19-konsep-e-bazar-guna-e-hailing-saja-dibenarkan
4.	Berita Harian	E-kraf bazar bantu usahawan pasar produk	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/677407/e-kraf-bazar-bantu-

	<p>Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Kraftangan Malaysia memperkenalkan inisiatif pemasaran e-kraf bazar di Facebook bagi membantu usahawan ketika negara berdepan penularan COVID-19.</p> <p>Setakat ini, lebih 3,000 penyertaan diterima dan dijangka lebih 700 usahawan kraf dengan bilangan pengikut 2.3 juta bakal menyertai e-kraf bazar.</p>	<u>usahawan-pasar-produk</u>
--	--	------------------------------

Penemuan penting & isu:

1. Nelayan perikanan air tawar di Kampung Orang Asli Sedohok, Kluang terpaksa memberhentikan aktiviti menangkap ikan berikutan hasil tangkapan mereka yang tidak dapat dijual kepada orang tengah. Mereka hanya menjalankan aktiviti memeriksa tangkapan di pukat gombang yang dilakukan antara tiga hingga empat hari sekali. Udang galah juga mengalami nasib yang sama dimana terpaksa diletakkan di dalam sangkar khas sementara menunggu penduduk kampung datang membeli.
2. Pendapatan pengusaha kebun strawberi di Taman Sedia, Tanah Rata, terjejas kerana hasil tanaman mereka tidak dapat dipasarkan ekoran ketiadaan pengunjung ke pusat peranginan tersebut.
3. Kabinet meluluskan penganjuran e-bazar dengan kaedah iaitu pesanan yang dibuat dalam talian dan dihantar menggunakan kemudahan perkhidmatan e-hailing sahaja.
4. Lebih 3,000 penyertaan diterima dan dijangka lebih 700 usahawan kraf dengan bilangan pengikut 2.3 juta bakal menyertai e-kraf bazar.

Maklumbalas Bahagian:

1. Bilangan penduduk berkerja sendiri yang terlibat dalam aktiviti penanaman buah-buahan perikanan air tawar dijangka akan berkurangan dan pendapatan turut terjejas susulan ketiadaan pembeli sepanjang tempoh PKP.
2. Gaji dan upah yang diterima bagi pekerja swasta yang terlibat didalam aktiviti penanaman buah-buahan dijangka akan terjejas sepanjang tempoh PKP.
3. Kadar pengangguran bagi bulan Mac dan April 2020 dijangka akan meningkat berbanding 3.3 peratus pada bulan Februari 2020 susulan daripada penularan wabak Covid-19.

J.	Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Bernama	<p>15 staf urus beruang madu di kawasan seluas 'lima padang bola'</p> <p>Lima padang bola. Itu saiz kawasan berpagar, tempat 43 ekor beruang madu yang diancam kepupusan dijaga di Pusat Pemuliharaan Beruang Madu Borneo (BSBCC) dekat sini.</p> <p>Sebanyak 15 staf, dikurangkan separuh susulan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac sehingga 28 April, menguruskan kawasan hutan seluas 2.6 hektar itu yang terletak dalam Hutan Simpan Sepilok - Kabil yang membolehkan haiwan itu bebas merayau dan menikmati kehidupan sebagai haiwan liar pada siang hari.</p>	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1832087
2.	New Straits Time	<p>No report of fish bombing activity during MCO</p> <p>The coronavirus outbreak appears to be a blessing in disguise as the rampancy of fish bombing activity in the state seems to have diminished during the Movement Control Order (MCO).</p>	https://www.nst.com.my/news/nation/2020/04/584566/no-report-fish-bombing-activity-during-mco
3	Bernama	<p>Pekebun kecil getah Sarawak digesa daftar kad PAT-G</p> <p>Pekebun kecil getah di Sarawak digesa untuk mendaftar kad Permit Autoriti Transaksi – Getah (PAT-G) di pejabat pertanian negeri itu atau mana-mana pejabat Lembaga Getah Malaysia (LGM).</p>	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1832128

4	Metro online	<p>Kilang padi moden beroperasi hujung bulan ini</p> <p>Kilang Padi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Terengganu yang menggunakan teknologi moden bernilai RM25 juta bakal beroperasi hujung April ini.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/566883/kilang-padi-moden-beroperasi-hujung-bulan-ini
<p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Berdasarkan maklumat Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) BSBCC: <ul style="list-style-type: none"> i. Beruang madu amat sukaan madu, ia mudah pupus disebabkan oleh beberapa ancaman, iaitu penebangan hutan dan pemburuan haram. ii. Bagi tempoh lebih 11 tahun, BSBCC giat berusaha memulihara dan memastikan kelangsungan hidup beruang madu, termasuk memuliharkan beruang yang diselamatkan daripada kegiatan haram dan memberikan pendidikan serta mewujudkan kesedaran awam. iii. Beruang madu adalah haiwan omnivore, makan pelbagai jenis makanan seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan makanan berasaskan tanaman yang lain, menjadikan ia penyebar benih yang baik, peranan penting ke arah memastikan kelangsungan ekosistem hutan. 2. Since the MCO came into force on March 18, Sabah marine police had not received any report regarding illegal fishing. <ul style="list-style-type: none"> i. Marine personnel did not come across individuals carrying out fish bombing during sea patrol throughout the state. ii. Professional diving fraternity has been active in channeling information to the authority and recording the number of underwater blasts heard during scuba diving activities within the protected Tunku Abdul Rahman Park (TARP). 3. Pekebun kecil getah di Sarawak digesa untuk mendaftar kad Permit Autoriti Transaksi – Getah (PAT-G) di pejabat pertanian negeri itu atau mana-mana pejabat Lembaga Getah Malaysia (LGM) <ul style="list-style-type: none"> i. Membolehkan Pekebun kecil getah mendapat manfaat Insentif Pengeluaran Getah (IPG) ii. Kerajaan negeri Sarawak dalam membantu pekebun kecil dengan memberi insentif tambahan 50 sen sekilogram, menjadikan jumlah IPG meningkat kepada RM1.90 sekilogram. 4. Pembukaan Kilang Padi Konsortium PP Terengganu Sdn Bhd di Kampung Dalam Oh, Jabi, Besut itu bakal menyelesaikan masalah dihadapi pesawah. 			

i.	Sebelum ini masalah kilang padi yang tidak dapat menampung keperluan pengeluaran setempat menyebabkan padi dari Terengganu terpaksa dihantar ke Kedah untuk diproses dan menambahkan kos terutama pengangkutan dan logistik terpaksa ditanggung pesawahan.
ii.	Kilang ini mampu memproses padi dengan kapasiti sebanyak 400 tan sehari.

Maklumbalas Bahagian:

1. Statistik pengeluaran dan penggunaan bagi komoditi agromakanan terpilih (36 jenis item) diterbitkan di dalam penerbitan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih secara tahunan. Item buah-buahan, sayur-syuran, perikanan dan ternakan merupakan item yang diliputi. Manakala SSL beras disediakan oleh MOA. SSR beras ialah 70.0 peratus manakala PCC ialah 74.4 kilogram setahun pada 2017.
2. Perangkaan Getah Bulanan, Februari 2020 yang telah dikeluarkan tidak terkesan oleh pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana pungutan data telah dilaksanakan terdahulu. Tren penurunan bagi pengeluaran adalah disebabkan oleh *wintering period* yang berlaku setiap tahun. Namun, bagi rujukan Mac 2020, aktiviti pengumpulan statistik dalam industri ini khususnya kepada pengeluaran dijangka akan terjejas selepas pengumuman PKP Fasa 1.

K. Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1	Berita Harian	<p>COVID-19: Syarikat penerbangan dijangka hilang RM1.36 trilion</p> <p>Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) menjangkakan krisis COVID-19 akan menyebabkan pendapatan syarikat penerbangan susut AS\$314 bilion (RM1.36 trilion) atau 55 peratus pada tahun ini berbanding tahun lalu.</p> <p>Mengenai permintaan penumpang sepanjang tahun untuk peringkat domestik dan antarabangsa, IATA menjangkakan ia akan merosot sebanyak 48 peratus tahun ini berbanding tahun lalu</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/677433/covid-19-syarikat-penerbangan-dijangka-hilang-rm136-trilion

		<p>disebabkan oleh perkembangan ekonomi secara keseluruhan dan sekatan perjalanan. Lebih separuh daripada pendapatan penumpang akan hilang yang akan menyebabkan kerugian sebesar itu.</p> <p>Syarikat penerbangan berkemungkinan menggunakan simpanan tunai mereka sebanyak AS\$61 bilion (RM264 bilion) pada suku kedua ini sahaja. Tanpa bantuan segera, banyak syarikat penerbangan tidak akan bertahan untuk kembali memulihkan ekonomi la merisikokan 25 juta pekerjaan yang bergantung pada industri penerbangan.</p> <p>Kerajaan perlu memasukkan industri penerbangan ke dalam pakej rangsangan kerana syarikat penerbangan berada pada teras rantaian nilai yang menyokong sekitar 65.5 juta pekerjaan di seluruh dunia.</p>	
2	The Edge Market	<p>Data expert shares tips to empower SMEs in surviving MCO</p> <p>Data gathered from SYCARDA, Innergia's retail data analytics and business intelligence cloud platform, showed that food and beverage (F&B) businesses have lost 90% of their revenue on average during March 18-April 12, 2020 period compared to the same period last year.</p> <p>This will force them to downsize or shutter their businesses. The</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/data-expert-shares-tips-empower-smes-surviving-mco

		<p>flow-on effect will be that their suppliers will have difficulty collecting existing debt, and will also lose future revenue.</p> <p>Retail data expert and chief executive officer of Innergia Labs suggested SMEs to keep business going during the MCO, including reducing their operational expenditure. They could ask for a rental reduction or even a moratorium as rental is the single largest item cost each month, and any savings in that area will give immediate cash-flow boost.</p>	
3	Bernama	<p>"Jom Digital" galak usahawan PKS ke arah peningkatan produktiviti</p> <p>Program "Jom Digital", anjuran Nexus Produktiviti Peruncitan dan Makanan & Minuman melalui aplikasi Webinar menggalakkan usahawan dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk mentransformasi perniagaan mereka ke arah pendigitalan dan menggunakan pakai platform perkongsian ekonomi.</p> <p>Bermula 10 hingga 13 April, seramai 1,816 usahawan dari seluruh negara terutamanya dalam kalangan perusahaan mikro telah didedahkan kepada pemasaran digital, penghantaran menggunakan</p>	https://bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1832168

	<p>platform digital, e-pasaran, e-dompet dan e-bayaran.</p> <p>Program ini diadakan untuk menjayakan dua inisiatif Pelan Tindakan Produktiviti Malaysia untuk subsektor peruncitan serta makanan dan minuman, menyediakan sokongan kepada PKS yang berpotensi untuk pendigitalan operasi perniagaan dan membina keupayaan e-dagang serta menggalakkan peluang dari segi perkongsian ekonomi.</p> <p>Kewujudan pelbagai segmen e-dagang di Malaysia telah mengubah landskap gaya membeli-belah dalam kalangan rakyat.</p>	
--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) menjangkakan krisis COVID-19 akan menyebabkan pendapatan syarikat penerbangan susut AS\$314 bilion (RM1.36 trillion) atau 55 peratus pada tahun ini berbanding tahun lalu. IATA menjangkakan permintaan penumpang sepanjang tahun untuk peringkat domestik dan antarabangsa akan merosot sebanyak 48 peratus tahun ini berbanding tahun lalu disebabkan oleh perkembangan ekonomi secara keseluruhan dan sekatan perjalanan. Terdapat sebanyak 25 juta pekerjaan yang bergantung pada industri penerbangan di seluruh dunia. Kerajaan perlu memasukkan industri penerbangan ke dalam pakej rangsangan kerana syarikat penerbangan berada pada teras rantai nilai yang menyokong sekitar 65.5 juta pekerjaan di seluruh dunia.
2. Innergia Labs melaporkan perniagaan makanan dan minuman telah kehilangan 90 peratus (secara purata) daripada pendapatan sepanjang 18 March hingga 12 April 2020 berbanding tempoh sama tahun lalu berdasarkan data yang dikumpulkan daripada SYCARDA, platform awan risikan perniagaan dan analisis data runcit Innergia. Keadaan ini memaksa mereka untuk mengecilkan atau menutup perniagaan. Justeru, Innergia Labs mencadangkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk terus beroperasi dalam tempoh PKP, termasuk mengurangkan perbelanjaan operasi. Mereka boleh memohon pengurangan sewa atau moratorium kerana bayaran sewa adalah kos bulanan tertinggi di mana penjimatan daripada kos tersebut dapat merangsang aliran tunai dengan segera.

3. Program “Jom Digital”, anjuran Nexus Produktiviti Peruncitan dan Makanan & Minuman melalui aplikasi Webinar menggalakkan usahawan dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk mentransformasi perniagaan ke arah pendigitalan dan menggunakan pakai platform perkongsian ekonomi. Seramai 1,816 usahawan dari seluruh negara terutamanya dalam kalangan perusahaan mikro telah didedahkan kepada pemasaran digital, penghantaran menggunakan platform digital, e-pasaran, e-dompet dan e-bayaran bermula 10 hingga 13 April. Program ini diadakan untuk menjayakan dua inisiatif Pelan Tindakan Produktiviti Malaysia untuk subsektor peruncitan serta makanan dan minuman, menyediakan sokongan kepada PKS yang berpotensi untuk pendigitalan operasi perniagaan dan membina keupayaan e-dagang serta menggalakkan peluang dari segi perkongsian ekonomi.

Maklumbalas Bahagian:

1. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat berkaitan berdasarkan SGT ST4 2019:
 - i) Sektor Perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar (52.5%) daripada 8.5 juta jumlah jawatan diisi. Penyumbang kedua terbesar merupakan sektor Pembuatan dengan 25.6 peratus diikuti sektor Pembinaan dengan 15.5 peratus.
 - ii) Komposisi terbesar pekerja mengikut kemahiran di sektor Perkhidmatan (4.4 juta jawatan diisi) adalah kategori separuh mahir yang merangkumi 46.9 peratus. Ini diikuti mahir sebanyak 33.0 peratus dan berkemahiran rendah sebanyak 20.1 peratus.
 - iii) Sebanyak 75.9 peratus daripada 2.2 juta jawatan diisi di sektor Pembuatan adalah dalam kategori separuh mahir. Kategori mahir menyumbang 17.7 peratus diikuti berkemahiran rendah sebanyak 6.4 peratus.
 - iv) Sebanyak 1.3 juta jawatan diisi di sektor Pembinaan dengan 85 peratus disumbangkan oleh kategori separuh mahir, diikuti kategori mahir (11.5%) dan berkemahiran rendah (3.5%).
2. Berikut adalah kategori pekerjaan berdasarkan Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2013:

Bil	Pekerjaan	Kategori
1	Pengurus	Mahir
2	Profesional	
3	Juruteknik dan Profesional Bersekutu	
4	Pekerja Sokongan Perkeranian	Separuh Mahir
5	Pekerja Perkhidmatan dan Jualan	

6	Pekerja Mahir Pertanian, Perhutanan, Penternakan dan Perikanan	
7	Pekerja Kemahiran dan Pekerja Petukangan yang berkaitan	
8	Operator Mesin dan Loji, dan Pemasang	
9	Pekerja Asas	Berkemahiran rendah

3. Statistik pekerja berkaitan berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh ST4 2019 adalah seperti berikut**:

- i) Pengangkutan dan penyimpanan: 554 ribu orang (3.6%)
- ii) Makanan & minuman dan penginapan: 1,694 ribu orang (11.1%)
- iii) Perdagangan borong dan runcit: 2,514 ribu orang (16.5%)
- iv) Kewangan & insurans: 374 ribu orang (2.4%)
- v) Utiliti: 106 ribu orang (0.7%)
- vi) Maklumat dan komunikasi: 250 ribu orang (1.6%)
- vii) Perkhidmatan lain: 2,614 ribu orang (17.1%)

4. Statistik produktiviti buruh bagi ST4 2019 berkaitan berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:

Aktiviti ekonomi	Produktiviti buruh mengikut jam bekerja		Produktiviti buruh mengikut pekerja	
	Nilai (RM)	Perubahan Peratusan Tahunan (%)	Nilai (RM)	Perubahan Peratusan Tahunan (%)
Pengangkutan dan penyimpanan	41.3	4.6	25,444	4.1
Makanan & minuman dan penginapan	13.6	2.9	7,977	2.3
Perdagangan borong dan runcit	42.9	3.2	25,999	3.0
Kewangan dan insurans	112.5	3.1	65,333	3.3
Utiliti	155.1	3.1	90,654	3.4
Maklumat dan komunikasi	142.5	1.2	84,426	1.1
Perkhidmatan lain	36.5	2.2	19,392	3.7

5. Statistik pekerja mengikut taraf pekerjaan bagi tahun 2018 berdasarkan Laporan Survei Tenaga Buruh 2018 adalah seperti berikut**:

- i) Majikan: 547.2 ribu orang (3.7%)
- ii) Pekerja: 10,700.4 ribu orang (72.4%)
- iii) Bekerja sendiri: 2,859.2 ribu orang (19.4%)

- iv) Pekerja keluarga tanpa gaji: 669.1 ribu orang (4.5%)
6. Berikut merupakan perangkaan utama mengikut saiz berdasarkan Laporan Banci Ekonomi 2016 (TR 2015) bagi Profil Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS):

Saiz	Bil. Pertubuhan	Bil. Pekerja	Gaji & Upah (RM Juta)
Mikro	693,670	1,937,557	25,495
Kecil	192,783	2,351,712	61,533
Sederhana	20,612	1,363,291	41,430
Besar	13,559	3,079,678	117,238
Jumlah	920,624	8,732,238	245,696

7. Definisi PKS yang digunakan adalah seperti berikut

Sektor	Saiz PKS	Hasil Tahunan	Bilangan Pekerja Sepenuh Masa
Pembuatan	Mikro	Kurang daripada RM300,000	Kurang daripada 5 pekerja
	Kecil	Antara RM300,000 hingga kurang daripada RM15 juta	Dari 5 hingga kurang daripada 75 pekerja
	Sederhana	Antara RM15 juta hingga tidak melebihi RM50 juta	Dari 75 hingga tidak melebihi 200 pekerja
Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembinaan dan Perkhidmatan	Mikro	Kurang daripada RM300,000	Kurang daripada 5 pekerja
	Kecil	Antara RM300,000 hingga kurang daripada RM3 juta	Dari 5 hingga kurang daripada 30 pekerja
	Sederhana	Antara RM3 juta hingga tidak melebihi RM20 juta	Dari 30 hingga tidak melebihi 75 pekerja

Sumber: Garis Panduan bagi Definisi Baharu PKS, SME Corp. Malaysia, Oktober 2013

**merujuk kepada jumlah pekerja dan peratus sumbangan.

Jadual 1: Jumlah Keseluruhan Taburan Kes COVID-19 Mengikut Negeri



Jadual 2: Jumlah Keseluruhan Taburan Kes COVID-19 Mengikut Negara

CORONA VIRUS DISEASE 19 (COVID-19)

Jumlah keseluruhan kes: Total cases: Dunia / Worldwide	Jumlah kematiian keseluruhan: Total death cases: Dunia / Worldwide	Jumlah kes sembuh: Total recovered cases: Dunia / Worldwide	Negara yang terlibat: No. of countries involved:	Jumlah kes sembuh: Total recovered cases: Malaysia										
1,987,071	126,813 (6.38%)	494,537 (24.89%)	184	2,647 (52.19%)										
Negara	Bil. kes No. of cases	Bil. kematian No. of deaths	Negara	Bil. kes No. of cases										
Amerika Syarikat	609,516	26,057	Panama	3,574 95										
Sepanyol	174,060	18,255	Qatar	3,428 7										
Itali	162,488	21,067	Luxembourg	3,307 67										
Jerman	132,210	3,495	Republik Dominika	3,286 183										
Perancis	131,362	15,750	Belarus	3,281 33										
United Kingdom	94,845	12,129	Singapura	3,252 10										
China	83,351	3,346	Finland	3,161 64										
Iran	74,877	4,683	Colombia	2,979 127										
Turki	65,111	1,403	Thailand	2,643 43										
Belgium	31,119	4,157	Argentina	2,443 105										
Belanda	27,580	2,955	Afrika Selatan	2,415 27										
Kanada	27,063	903	Mesir	2,350 178										
Switzerland	25,936	1,174	Yunani	2,170 101										
Brazil	25,684	1,552	Algeria	2,070 326										
Rusia	24,490	198	Moldova	1,934 41										
Portugal	17,448	567	Maghribi	1,888 126										
Austria	14,265	384	Iceland	1,720 8										
Israel	12,200	126	Croatia	1,704 31										
India	11,555	396	Hungary	1,579 134										
Ireland	11,479	406	Bahrain	1,528 7										
Sweden	11,445	1,033	Aljazair	1,400 78										
Korea Selatan	10,591	225	New Zealand	1,386 9										
Peru	10,303	230	Estonia	1,373 31										
Jepun	8,100	146	Kuwait	1,355 3										
Chile	7,917	92	Kazakhstan	1,275 15										
Ecuador	7,603	369	Slovenia	1,220 56										
Poland	7,202	263	Uzbekistan	1,214 4										
Romania	6,879	357	Azerbaijan	1,197 13										
Denmark	6,706	299	Armenia	1,111 17										
Norway	6,623	139	Lithuania	1,091 29										
Australia	6,440	63	Bosnia Herzegovina	1,083 40										
Czechia	6,151	163	Bangladesh	1,012 46										
Pakistan	5,988	107	Oman	910 4										
Mexico	5,399	406	Makedonia Utara	908 44										
Arab Saudi	5,369	73	Cameroon	848 14										
Filipina	5,223	335	Slovakia	835 2										
Malaysia	5,072	83	Afghanistan	784 25										
UAE	4,933	28	Cuba	766 21										
Indonesia	4,839	459	Tunisia	747 34										
Serbia	4,465	94	Bulgaria	735 36										
Ukraine	3,764	108	Cyprus	695 12										
<i>(Dikemaskini pada 15 April 2020) (Updated at 15 April 2020)</i>														
Bilangan negara di bawah 100 kes: Countries with 100 cases and below:														
<table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td>(1-20)</td><td>(21-40)</td><td>(41-60)</td><td>(61-80)</td><td>(81-100)</td></tr> <tr> <td>33</td><td>11</td><td>9</td><td>6</td><td>2</td></tr> </table>					(1-20)	(21-40)	(41-60)	(61-80)	(81-100)	33	11	9	6	2
(1-20)	(21-40)	(41-60)	(61-80)	(81-100)										
33	11	9	6	2										
Sumber: CPKC Kebangsaan dan WHO														
UKM MOH														

SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19: STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)